

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO'  
AZUMU [ TAMBUN ]**

**TARIKH : 21 JULAI 2020**

**SOALAN**

**DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU [ TAMBUN]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan Technical and Vocational Education Training (TVET) merupakan antara salah satu fokus utama Kerajaan di mana dijangka akan memenuhi lebih daripada 60% daripada tenaga kerja di Malaysia menjelang tahun 2020: -

(a) apakah usaha-usaha Kerajaan untuk melibatkan industri swasta dalam memperkasakan TVET selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK); dan

(b) bagi mengarusperdanakan TVET selari dengan aliran pendidikan perdana, apakah usaha Kerajaan dalam memberi pengiktirafan kepada pelatih-pelatih TVET di bawah Malaysian Qualification Agency (MQA).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa bekerjasama dengan pihak industri dalam memperkasakan TVET terutamanya dari sudut pembangunan kurikulum supaya dapat memenuhi kehendak industri. Antara kerjasama yang dilaksanakan, antaranya melalui penubuhan Majlis Penasihat Industri yang berperanan memberi pandangan dan berkongsi maklumat berkenaan fokus semasa industri di peringkat nasional dan global. Pandangan dan perkongsian tersebut membantu Kementerian merancang pelan tindakan bagi memastikan kurikulum TVET yang digunakan adalah terkini dan selaras dengan keperluan semasa industri.

Selain itu, industri turut dilibatkan melalui pendekatan pembelajaran *industry-led training* seperti *Work-Based Learning* atau *WBL*, *2u2i* dan program perantisan yang dilaksanakan di MTUN, politeknik dan kolej komuniti untuk menempatkan pelajar di industri sebelum mereka bergraduat. Disamping itu, industri turut dilibatkan dalam pelaksanaan *Structured Internship Programme (SIP)* dimana industri memberikan latihan kepada pelajar dan bakal graduan di premis mereka bagi memberikan pendedahan situasi sebenar pekerjaan kepada graduan. Industri yang bekerjasama dalam pelaksanaan SIP adalah yang bertaraf *Government Link Companies (GLC)* dan *Multi-national Companies (MNC)* khusus di bidang berteknologi tinggi. Pusat Kecemerlangan juga diwujudkan di institusi bagi membolehkan perkongsian kepakaran antara industri dan institusi. Pihak industri juga turut menyumbang peralatan di Pusat Kecemerlangan untuk dimanfaatkan oleh pelajar.

Di universiti awam pula, inisiatif jalinan kolaborasi antara akademia dan industri turut dipergiatkan bagi memperkasa pelajar aliran TVET. Antara kolaborasi yang dilaksanakan adalah:

- (a) Penubuhan *Engineering@UM-Industrial Innovation Centre* di kampus UM yang melibatkan kerjasama dengan 5 syarikat global iaitu Motorola Solutions, Daikin, Ossur, Proton dan Rohde & Schwarz;

- (b) Penubuhan Samsung '*Internet of Things*' (IoT) *Academy* di kampus Universiti Teknikal Melaka atau UTeM dengan kerjasama Samsung Malaysia;
- (c) Penubuhan pusat UTM-ERICSSON IC5G di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama Ericsson Malaysia yang menjalankan aktiviti kajian dan pembangunan berkaitan teknologi 5G untuk rantau Asia Tenggara

Selain itu, UA turut melibatkan industri dalam memperkukuhkan pelajar aliran TVET melalui pelaksanaan Program *Industry@University : University Revolution Teaching Factory* (URTF) MTUN yang melibatkan 4 universiti iaitu UMP, UTeM, UniMAP dan UTHM. Antara rakan industri yang terlibat adalah Keysight, Perodua, Walta Engineering, Go Automobile Manufacturing Sdn Bhd, DreamEdge, Alian Trading Sdn Bhd dan Fitec Sdn Bhd.

Untuk makluman ahli yang berhormat, graduan daripada program aliran TVET yang melalui penilaian jaminan kualiti sama ada dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), KPT atau Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), KSM dan disenaraikan dalam Daftar Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualifications Register (MQR) adalah diiktiraf untuk bekerja di syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau GLC dan sektor awam tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik. Kelayakan aliran TVET yang dimiliki juga boleh digunakan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi melalui Artikulasi yang ditawarkan oleh Universiti. Seterusnya reputasi laluan TVET dapat diperkukuh setanding dengan laluan akademik.

Sekian, terima kasih.